

SULIT



UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER II SESI 2016/2017

NAMA KURSUS	:	PEDAGOGI
KOD KURSUS	:	BBD 10302
KOD PROGRAM	:	BBA/BBB/BBC/BBD/BBE/BBF/BBG
TARIKH PEPERIKSAAN	:	JUN 2017
JANGKA MASA	:	2 JAM
ARAHAN		TERBUKA

1. JAWAB SEMUA SOALAN DI BAHAGIAN A DAN B
2. KERTAS SOALANINI HENDAKLAH DIKEMBALIKAN

KERTAS SOALANINI MENGANDUNG SEBELAS (11) MUKA SURAT

SULIT

BAHAGIAN A

S1 Lima (5) komponen dalam model pengajaran SIM ialah

- A. murid, guru, persekitaran, objektif.
- B. isi pengajaran, guru, objektif, persekitaran.
- C. guru, Murid, jadual waktu, kelas dan ABBM.
- D. guru dan murid, isi, objektif dan persekitaran.

S2 Model Suchman telah mengutarakan enam (6) langkah mengikut susunan seperti berikut

- A. Memilih masalah, kumpul data dan buat hipotesis, menerangkan proses, uji hipotesis dan bentuk teori, membincangkan peraturan terhadap teori dan menganalisis proses.
- B. Memilih masalah, menerangkan proses, membincangkan peraturan terhadap teori dan menganalisis proses, kumpul data dan buat hipotesis, uji hipotesis dan bentuk teori.
- C. Memilih masalah, membincangkan peraturan terhadap teori dan menganalisis proses, menerangkan proses, kumpul data dan buat hipotesis, uji hipotesis dan bentuk teori.
- D. Memilih masalah, menerangkan proses, kumpul data dan buat hipotesis, uji hipotesis dan bentuk teori, membincangkan peraturan terhadap teori dan menganalisis proses

S3 Silibus merupakan sukanan pelajaran sesuatu subjek, antara berikut yang manakah definisi silibus yang benar.

- A. Skop dan isi kandungan sesuatu mata pelajaran di sekolah atau senarai kesemua mata pelajaran di sekolah.
- B. Dibina untuk melahirkan insan yang seimbang dari segi intelek, jasmani, rohani dan emosi serta berketerampilan dan mampu berfikir secara kritis dan kreatif.
- C. Menggambarkan ciri sesuatu pengajaran dari segi kandungan iaitu konstruk yang diajar, pemberatan tiap-tiap konstruk, konteks, pemberatan tiap konteks dan pemberatan taburan aras kesukaran.
- D. Satu dokumen yang mengandungi satu program pengajaran dan pembelajaran sesuatu mata pelajaran, silibus juga ialah bahan asas yang menerangkan rasional atau matlamat, objektif mata pelajaran tersebut, organisasi waktu dan hurai sukatan.

S4 Kaedah penyeliaan klinikal ini mengandungi lima langkah yang perlu diambil perhatian oleh penyelia dan guru kecuali

- A. persidangan pra pemerhatian
- B. analisis selepas pemerhatian
- C. pemerhatian di luar bilik darjah
- D. perbincangan selepas pemerhatian

TERBUKA

S5 Berikut merupakan definisi pembelajaran kecuali

- A. perubahan dalam seseorang individu akibat daripada pengalaman.
- B. tindakan yang bertujuan untuk membawa perubahan dari segi kepercayaan, nilai dan makna.
- C. perubahan tingkah laku atau kebolehan untuk menunjukkan perlakuan yang dikehendaki hasil daripada latihan ataupun pelbagai bentuk pengalaman.
- D. perubahan dari segi kecenderungan atau kemampuan seseorang yang diperoleh dalam masa yang panjang dan bukannya dikuasai secara mudah mengikut proses pertumbuhan seseorang.

S6 Apakah salah satu daripada tujuan penyeliaan pengajaran dilakukan?

- A. Menilai prestasi atau kemahiran mengajar guru.
- B. Untuk membantu guru menyelesaikan masalah pelajar.
- C. Dapat meningkatkan lagi peluang untuk kenaikan pangkat.
- D. Membantu guru mengenalpasti masalah yang berlaku disekolah dan bilik darjah.

S7 Antara berikut yang manakah definisi sukatan pelajaran yang benar

- A. Dibina untuk melahirkan insan yang seimbang dari segi intelek, jasmani, rohani dan emosi serta berketrampilan dan mampu berfikir secara kritis dan kreatif.
- B. Skop dan isi kandungan sesuatu mata pelajaran di sekolah atau senarai kesemua mata pelajaran di sekolah.
- C. Menggambarkan ciri sesuatu pengajaran dari segi kandungan iaitu konstruk yang diajar, pemberatan tiap-tiap konstruk, konteks, pemberatan tiap konteks dan pemberatan taburan aras kesukaran.
- D. Satu dokumen yang mengandungi satu program pengajaran dan pembelajaran sesuatu mata pelajaran. Ia juga ialah bahan asas yang menerangkan rasional atau matlamat, objektif sesuatu mata pelajaran , organisasi waktu dan huraian sukanan.

S8 Kemahiran menerang adalah

- A. pengajaran dan pembelajaran yang tidak sistematik.
- B. proses dalam memberi kefahaman kepada orang lain.
- C. tugasan atau aktiviti yang diusahakan bersama oleh pengajar dan anak muridnya.
- D. mendapatkan tindak balas daripada pelajar sama ada mereka memahami tajuk yang diajar.

TERBUKA

S9 Apakah ciri-ciri guru yang berkesan dalam pengajarannya?

- A. Memberi keutamaan kepada proses pentadbiran pengajaran.
- B. Bersifat agresif untuk pastikan disiplin pelajar dalam kelas terjaga.
- C. Memastikan sukanan pelajaran selesai sepenuhnya sebagai keutamaan.
- D. Mempunyai kepakaran dan kecekapan dalam subjek yang diajar dan boleh mempelbagaikan kaedah mengajar.

S10 Berikut merupakan kegunaan set induksi semasa pengajaran dan pembelajaran kecuali

- A. semasa menukar topik.
- B. sebelum sesi soal jawab.
- C. pada permulaan pengajaran.
- D. semasa tamat pengajaran.

S11 Nyatakan kepentingan membuat Jadual Penentuan Pengajaran (JPP).

- A. Membolehkan guru mengukur prestasi pengajarannya.
- B. Memahami tugas-tugas sebenar semasa merancang persediaan mengajar.
- C. Panduan asas untuk menentukan segala proses pengajaran-pembelajaran.
- D. Memastikan sama ada unit-unit pembelajaran boleh dikuasai dengan baik oleh pelajar-pelajar.

S12 Yang manakah di antara pernyataan berikut adalah benar mengenai kaedah pengajaran berasaskan simulasi.

- A. Kaedah pembelajaran dalam keadaan yang terkawal dan sengaja diwujudkan sama dengan situasi sebenar.
- B. Kaedah dan strategi yang melibatkan aktiviti perbualan di antara guru dengan pelajar di dalam kelas.
- C. Kaedah pengajaran yang meliputi satu sesi perbincangan yang membolehkan setiap ahli kumpulan menyumbangkan pendapat dan idea.
- D. Kaedah pengajaran melalui aktiviti perbincangan yang terdiri daripada beberapa kumpulan kecil.

S13 Kaedah deduktif berlandaskan kepada pendekatan

- A. daripada dekat kepada jauh
- B. daripada khusus kepada umum
- C. daripada umum kepada spesifik
- D. daripada abstrak kepada konkret



S14 Terdapat 3 jenis kaedah penilaian pembelajaran kecuali:

- A. Mengesan kemajuan.
- B. Mengesan pencapaian.
- C. Mengesan serta merta.
- D. Mengesan secara berkala.

S15 Komunikasi boleh ditakrifkan sebagai

- A. proses pembelajaran yang disedari, sistematik, berterusan, serta terancang bagi individu yang dicirikan sebagai dewasa bagi memperoleh ataupun memantapkan nilai.
- B. perhubungan secara langsung atau dengan perantaraan surat, radio, telefon, dan lain-lain.
- C. proses menyampaikan maklumat dan member pengalaman yang akan mengubah tingkah laku pelajar secara kekal.
- D. proses memberi peluang kepada pelajaran mendapatkan pengalaman dan meningkatkan kefahaman dan perubahan secara kekal.

S16 Penilaian pembelajaran adalah bertujuan untuk

- A. Mengekalkan aras motivasi murid.
- B. Meningkatkan prestasi murid secara progresif.
- C. Menghabiskan sukanan pelajaran mengikut masa yang ditentukan.
- D. Menentukan sama ada murid telah menguasai sesuatu kemahiran yang telah diajar.

S17 Antara pendekatan-pendekatan keadah pengajaran berikut, yang manakah membenarkan pelajar mempraktikkan kemahiran dalam keadaan yang selamat dan memberi peluang kepada pelajar memikirkan cara penyelesaian secara spontan dalam situasi bermasalah yang diwujudkan.

- A. Kaedah pengajaran lawatan.
- B. Kaedah pengajaran simulasi.
- C. Kaedah pengajaran sumbang saran.
- D. Kaedah pengajaran teknik-kolaboratif.

TERBUKA

S18 Yang manakah di antara tujuan-tujuan berikut bukan merupakan tujuan penggunaan penyelesaian dalam proses pengajaran dan pembelajaran

- A. Memupuk semangat berdikari.
- B. Melatih murid berfikir secara analisis.
- C. Memberi peluang kepada pelajar menguasai kemahiran asas.
- D. Memberi pengalaman kepada pelajar menyelesaikan masalah.

S19 Antara aspek Kemahiran Abad ke-21 yang perlu dikuasai oleh pelajar ialah

- A. memahami psikologi pembelajaran.
- B. mengikut perkembangan tentang dasar dan isu pendidikan.
- C. mahir menggunakan teknologi terkini dalam pengajaran dan pembelajaran.
- D. cara pemikiran baru iaitu kreativiti, kritis, penyelesaian masalah, membuat keputusan dan pembelajaran.

S20 Pilih mana yang tidak benar mengenai Pengajaran Berasaskan Komputer (PBK).

- A. Tutorial.
- B. Latih tubi.
- C. Sumbang saran.
- D. Penyelesaian masalah.

S21 Apakah yang dimaksudkan dengan kemahiran kaedah saintifik?

- A. Kaedah pengajaran yang berpusatkan kemahiran ICT.
- B. Kaedah yang memerlukan kemahiran berfikir secara rasional.
- C. Pendekatan pengajaran yang mesti bersandarkan teori dalam proses penyelesaian masalah.
- D. Kaedah-kaedah yang digunakan untuk menyiasat sesuatu fenomena, menceburi ilmu baru, atau membentulkan dan menyepadukan ilmu yang terdahulu.

S22 Variasi rangsangan ialah satu teknik

- A. Menimbulkan minat belajar
- B. Menarik perhatian pelajar
- C. Mempelbagaikan kaedah penyampaian guru
- D. Melatih pelajar menggunakan berbagai-bagai saluran deria mereka.

TERBUKA

S23 Apakah faktor-faktor yang perlu diambil kira dalam menghasilkan Rancangan Pengajaran Semester?

- I. Cuti sekolah.
 - II. Minat pelajar
 - III. Kehadiran pelajar.
 - IV. Acara rasmi sekolah.
-
- A. I dan II.
 - B. I dan III.
 - C. II, III dan IV.
 - D. I, II, III dan IV.

S24 Kemahiran proses sains dibahagikan kepada dua antaranya ialah

- A. psikologi
- B. psikomotor.
- C. manipulatif.
- D. asas dan bersepadu.

S25 Apakah kelemahan kaedah pembelajaran projek?

- I. Memakan masa yang panjang.
 - II. Mendidik pelajar supaya berdikari.
 - III. Sumber dan bahan bagi sesuatu projek adalah terhad.
 - IV. Para pelajar berkemungkinan melakukan kesalahan semasa melaksanakan projek disebabkan oleh pengetahuan yang terhad.
-
- A. I dan IV
 - B. I, III dan IV
 - C. I, II dan III
 - D. I, II, III dan IV

S26 Pembelajaran biasanya didefinisikan sebagai perubahan individu yang disebabkan oleh pengalaman (Slavin, 1997; Mazur, 1990; Rocklin, 1987). Manakala Stalling (1973) berpendapat bahawa pembelajaran berlaku berdasarkan tiga kriteria yang penting iaitu

- I. pembelajaran berdasarkan emosi.
 - II. pembelajaran berdasarkan pemikiran.
 - III. pembelajaran harus menampakkan perubahan di dalam tingkah laku.
 - IV. pembelajaran harus menghasilkan perubahan melalui pengalaman atau latihan.
-
- A. I dan II
 - B. I, II dan IV
 - C. II, II dan III
 - D. II, III dan IV



S27 Aras analisis mengandungi kategori seperti berikut

- I. analisis unsur.
 - II. analisis aplikasi.
 - III. analisis perhubungan.
 - IV. analisis prinsip organisasi.
 - A. I dan III
 - B. I, II dan III
 - C. I, III dan IV
 - D. I, II, III dan IV

S28 Melalui pilihan jawapan di bawah, yang manakah merupakan kesan kemahiran pengukuhan dalam pembelajaran dan pengajaran.

- I. Pelajar akan merasa usahanya telah di hargai oleh gurunya.
II. Perhubungan di antara guru dengan pelajar akan bertambah erat dan mesra.
III. Pelajar dapat memahami isi pelajaran dengan lebih cepat, mudah dan tepat.
IV. Pelajar akan berusaha memberi tingkah laku yang positif dengan lebih giat lagi.

A. I dan II
B. II dan IV
C. I, II dan III
D. I, III dan IV

S29 Penilaian rakan sekerja dalam bidang pendidikan dibuat melalui ciri-ciri berikut kecuali

- A. kepakaran.
 - B. keakraban.
 - C. cara kepimpinan.
 - D. kualiti pengajaran.



S30 Menurut Burden dan Byrd (1999) yang dimaksudkan dengan Rancangan Pengajaran Semester.

- A. Rancangan Pengajaran Semester ialah rancangan guru untuk mengajar sepanjang semester.
 - B. Rancangan Pengajaran Semester ialah rangka kerja aktiviti pengajaran dan pembelajaran untuk dilaksanakan.
 - C. Rancangan Pengajaran Semester ialah keputusan yang dibuat mengenai mengelola, melaksana dan menilai pengajaran.
 - D. Rancangan Pengajaran Semester ialah keputusan yang harus dibuat mengenai perkara yang ingin diajar dan bagaimana untuk mengajar supaya dapat difahami pelajar dengan mudah.

S31 Nyatakan ciri-ciri kaedah syarahan.

- I. Memperkenalkan topik baru.
II. Menyoal untuk perhatian.
III. Latihan mendengar dan menulis.
IV. Kawalan masa.

A. I,II dan III
B. I,II dan IV
C. I,III dan IV
D. I,II,III dan IV

S32 Berikut merupakan pendekatan pembelajaran bersifat individu kecuali

- A. pembelajaran masteri.
 - B. pembelajaran kendiri.
 - C. pembelajaran kadar kendiri.
 - D. pembelajaran akses kendiri.

S33 Yang manakah berikut bukan komponen utama daripada proses pengajaran.

- A. Penilaian
 - B. Penyampaian
 - C. Perancangan
 - D. Maklum balas

S34 Berikut merupakan tujuan kaedah pembelajaran tunjuk cara kecuali

- A. menimbulkan minat pelajar untuk belajar.
 - B. mengukuhkan pemahaman murid terhadap tajuk yang diajar oleh guru.
 - C. membina keyakinan murid untuk melaksanakan tunjuk cara secara individu.
 - D. memberikan peluang kepada pelajar untuk mencuba perkara baru.

S35 Aras kemahiran soalan boleh dikelaskan kepada enam peringkat seperti yang dinyatakan oleh Bloom dalam bukunya ‘ taxonomy of education objectives ’. Antara yang berikut, yang manakah bukan aras soalan yang terkandung dalam bukunya

- A. Sintesis.
 - B. Analisis.
 - C. Kefahaman.
 - D. Kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT).

S36 Berikut adalah objektif kemahiran pengukuhan kecuali

- A. mengukuhkan konsep atau isi supaya kekal dalam ingatan
 - B. memberi galakan kepada pelajar dalam aktiviti pembelajaran.
 - C. membaiki disiplin kelas dengan mengubah tingkah laku negatif yang timbul
 - D. menyampaikan maklumat atau menjelaskan isi pelajaran dalam masa yang singkat.

S37 Manakah antara berikut merupakan jenis Rancangan Pengajaran

- I. Rancangan Pengajaran Semester.
 - II. Rancangan Pengajaran Penggal.
 - III. Rancangan Pengajaran Harian.
 - IV. Rancangan Pengajaran Mingguan.
 - A. I dan II
 - B. III dan IV
 - C. I, III dan IV
 - D. II, III dan IV

S38 Apakah yang perlu dilakukan oleh seorang guru dalam membantu pelajar meningkatkan kemahiran reflektif?

- A. Guru mengawal suasana kelas.
 - B. Guru perlu memberitahu pelajar tentang objektif pelajaran.
 - C. Guru sebagai pemutus tentang apa yang perlu dipelajari oleh murid.
 - D. Guru harus menggunakan teknik menyoloal supaya daya pemikiran reflektif pelajar dapat dipertingkatkan.

S39 Nyatakan cara memberi pengukuhan yang betul bagi seorang guru ketika mengajar.

- A. Penilaian.
 - B. Penglihatan.
 - C. Pendengaran.
 - D. Lisan Positif.

S40 Berikut adalah ciri-ciri bahan pengajaran yang baik sewaktu proses pengajaran dan pembelajaran berlaku.

- I. Boleh disentuh.
 - II. Boleh dilihat dengan jelas.
 - III. Bahan peralatan yang mahal.
 - IV. Bahan dapat membantu penerangan.
 - A. I dan II
 - B. II dan III
 - C. I, II, dan III
 - D. I, II, dan IV



BAHAGIAN B

- S41** (a) Apakah yang dimaksudkan dengan kaedah pengajaran kolaboratif dan huraikan langkah-langkah pelaksanaannya. (4 markah)

(b) Huraikan model-model berikut dalam melaksanakan tunjuk cara.

 - (i) model hidup
 - (ii) model simbolik
 - (iii) model tunjuk cara

(6 markah)

(c) Tunjuk cara adalah satu jenis pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan kemahiran guru mendemonstrasikan cara-cara atau langkah sesuatu aktiviti kepada pelajar.

Dengan berbantuan silibus dan contoh rancangan pengajaran amali huraikan strategi pengajaran melalui penggunaan tunjuk cara dan aktiviti pengajaran di bengkel. (10 markah)

TERBUKA

- S42** (a) Apakah yang dimaksudkan dengan kemahiran variasi rangsangan dan prinsip penggunaan variasi rangsangan. (3 markah)

(b) Huraikan tujuh (7) komponen-komponen yang penting dalam melaksanakan kemahiran pengajaran. (7 markah)

(c) Berdasarkan komponen tersebut laksanakan satu sesi pelan pengajaran teori menggunakan Rancangan Mengajar Harian (RMH) selama satu (1) jam yang bersesuaian dengan silibus kursus anda. (15 markah)

- S43 (a) Apakah yang dimaksudkan penilaian program dan dengan menggunakan model penilaian Stufflebeam CIPP (Context, Input, Process, Product) anda diminta membuat penilaian keberkesanannya program **NILAM** yang dilaksanakan di sekolah. (15 markah)

-SOALAN TAMAT-